


Headline	Tabung Endowmen MyGift sasar bina masjid, asrama		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	20,955	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	60
ArticleSize	523 cm ²	Journalist	Mohamad Azim
PR Value	RM 53,877		



Tabung Endowmen MyGift sasar bina masjid, asrama

Fakta nombor

RM70,000

UMP terima sumbangan zakat bantu pelajar

UMP jangka RM1.4 juta diterima hasil sumbangan korporat

Oleh Mohamad Azim
Fitri Abd Aziz
cnews@nsp.com.my

■ Pekan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjangkakan RM1.4 juta sumbangan korporat yang diterima universiti itu mampu menampung kos pembinaan pelbagai kemudahan di perlukan.

Pengerusi Lembaga Pengarahnya, Datuk Seri Ibrahim Ahmad, berkata, dana yang diterima di bawah Tabung Endowmen MyGift mampu melaksanakan pelbagai prasarana yang dirancang seperti projek pembinaan masjid dan ba-

ngunan asrama pelajar.

"Dana ini adalah hasil sumbangan zakat dan wakaf daripada badan korporat berjumlah RM546,420, manakala RM854,754 dikumpulkan atas inisiatif pelbagai jabatan di universiti ini sejak Januari lalu.

"Padu masa sama, pihak kami menerima sumbangan zakat pelajar berjumlah RM70,000 bagi membantu pelajar UMP yang mempunyai masalah kewangan dalam pengajian dan RM50,000 untuk wakaf pembinaan kolej kediaman yang bakal menempatkan pelajar yatim piatu dan asnaf," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Apresiasi MyGift di Dewan Bankuet UMP,

Kampus Pekan, di sini, semalam.

Perkasa modal insan

Ibrahim berkata, Tabung Endowmen MyGift yang dilancar sejak 2016 dilihat mampu memperkasaan pembangunan modal insan serta pembangunan infrastruktur universiti itu melalui kerjasama dengan rakan strategik pusat pengajian itu.

Beliau berkata, pelaksanaan tabung berkenaan membolehkan rakan strategik UMP menyumbang melalui zakat, wakaf dan sedekah sekali gus menjadi inisiatif dalam melahirkan masyarakat berpendidikan yang berkualiti.

"MyGift adalah kaedah penyelesaian kreatif yang sedikit seba-

nyak membantu UMP menyalurkan pelbagai insentif dan bantuan, sama ada dalam bentuk projek pengupayaan atau pembangunan.

"Saya harap rakan strategik kita yang sedia ada dapat terus meningkatkan kerjasama ini selain itu kita cuba terokai kerjasama dengan organisasi lain yang berpotensi menjadi rakan strategik baharu," katanya.

Sebanyak 12 rakan strategik terbabit dalam bersama menyalurkan sumbangan kepada Tabung Endowmen MyGift, antaranya Tenaga Nasional Berhad, Maybank Islamic Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, UMW Holdings, UMP Holdings dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

Headline	Tabung Endowmen MyGift sasar bina masjid, asrama		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	20,955	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	60
ArticleSize	523 cm ²	Journalist	Mohamad Azim
PR Value	RM 53,877		



Ibrahim (depan, kanan) bersalam dengan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Seri Dr Daing Mohd Nasir Ibrahim dan 12 rakan strategik yang menyalurkan sumbangan kepada Tabung Endowmen MyGift di UMP Kampus Pekan.